

UNTUK SIARAN SEGERA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
TAHUN 2023**

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2023 akan dikeluarkan pada **23 Julai 2024 (Selasa)**. Sebanyak **41,548 calon** telah menduduki peperiksaan STPM Tahun 2023 di 657 buah pusat peperiksaan di seluruh negara dan sebanyak 16,387 petugas peperiksaan telah dilantik bagi keseluruhan peperiksaan ini.

Calon boleh mendapatkan keputusan masing-masing melalui kaedah yang berikut:

- (a) Bagi Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta/persendirian individu, calon boleh mendapatkan keputusan peperiksaan STPM Tahun 2023
 - i. secara **khidmat pesanan ringkas (SMS)** dengan menaip **STPM<jarak>No.K/P<jarak>Angka Giliran** dan hantar ke **15888** untuk mendapatkan **ringkasan keputusan** peperiksaan STPM 2023. Sistem ini akan diaktifkan mulai jam **11:00 pagi** pada **23 Julai 2024 (Selasa)** sehingga jam **12:00 tengah hari** pada **30 Julai 2024 (Selasa)**; dan/atau

- ii. secara dalam talian di pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK> untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STPM 2023 mulai jam **11:30 pagi** pada **23 Julai 2024 (Selasa)**.

MPM mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua calon STPM Tahun 2023.

-TAMAT-

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
19 JULAI 2024